

Headline	Peluang usahawan tembusi pasaran antarabangsa		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	18 Jul 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	13	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	138 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,926
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,777



Peluang usahawan tembusi pasaran antarabangsa

KUALA LUMPUR - Sebanyak 223 buah reruai melibatkan usahawan dari Malaysia akan dibuka pada Expo Malaysia Fest 2019 yang akan berlangsung di Changi, Singapura pada 25 hingga 28 Julai ini.

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam satu kenyataan berkata, program itu ialah salah satu ruang promosi bagi produk usahawan Malaysia menembusi pasaran antarabangsa.

Menurut kenyataan tersebut, produk yang akan dibawa pada Expo Malaysia Fest 2019

antaranya ialah buah-buahan, ulam-ulaman, tanaman kontan, produk proses dan Industri Asas Tani (IAT), makanan, kesihatan, kecantikan, gaya hidup serta fesyen.

**EXPO MALAYSIA
FEST 2019**

“Objektif utama penyertaan adalah untuk memperkuat dan memperluaskan pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura bagi meningkatkan nilai eksport usahawan bimbingan FAMA serta lain-lain agensi.

“Ia juga untuk menyediakan platform kepada usahawan Malaysia mempromosi dan membuat jualan produk mereka

Objektif utama penyertaan adalah untuk memperluaskan pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura.”

kepada pengguna di Singapura.

“Usahawan Malaysia juga berpeluang membina jaringan perniagaan dan mencari pengimport berpotensi bagi mengembangkan pasaran ke Singapura,” kata kenyataan tersebut.